



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### PENUTUPAN PMPA 2025 SERLAH KEPIMPINAN MALAYSIA DALAM PERUNDANGAN ANGKASA

---

**USIM, 7 DISEMBER 2025** – Pertandingan Mut Perundangan Angkasa (PMPA 2025) melabuhkan tirainya dengan penuh meriah dalam majlis penutup yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Program julung kali anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama USIM dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) ini menghimpunkan peserta daripada universiti, industri dan agensi kerajaan bagi memperkukuh pemahaman mengenai perundangan angkasa yang semakin kritikal selaras perkembangan teknologi global.

Sebanyak 12 pasukan daripada sembilan (9) Institusi Pengajian Tinggi telah menyertai pertandingan ini. Selari dengan mandat USIM sebagai pusat rujukan undang-undang sivil dan syariah, PMPA 2025 mengintegrasikan pendekatan multidisiplin merangkumi aspek undang-undang, syariah, polisi dan teknologi angkasa, manakala YIM menekankan pembangunan belia, inovasi dan pendidikan teknologi masa hadapan.

Antara pengisian utama program ialah Persidangan Perundangan Angkasa Kebangsaan 2025, tiga siri webinar dan podcast ilmiah, sesi temu bual eksklusif bersama YB Menteri MOSTI serta penerbitan bahan digital oleh MOSTI, USIM dan YIM. Dalam ucapan penutup, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) MOSTI, YBhg. Dato' Ruziah binti Shafei, menegaskan kepentingan memperkukuh kepakaran undang-undang angkasa berikutan peningkatan aktiviti satelit global dan cabaran seperti *orbital congestion*.

Beliau berkata:

*“Undang-undang angkasa bukan lagi bidang teori, tetapi menjadi keperluan keselamatan negara dan global. Negara yang tidak memahami tanggungjawab antarabangsa ini berisiko berhadapan liabiliti besar dan ancaman keselamatan.”*

Malaysia kini berada pada landasan kukuh melalui pelaksanaan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834], kelulusan Garis Panduan Siasatan Kemalangan Objek Angkasa serta penyertaan negara dalam triti angkasa PBB seperti OST 1967 dan REG 1975.

PMPA 2025 berperanan sebagai platform strategik melahirkan “Peguam Angkasa Masa Depan” yang berupaya membawa suara Malaysia di peringkat antarabangsa termasuk di *Committee on the Peaceful Uses of Outer Space* (COPUOS) dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Dato’ Ruziah turut menyatakan bahawa kejayaan penganjuran PMPA 2025 adalah selaras dengan Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030) yang mensasarkan sumbangan 1% KDNK daripada industri angkasa, pembangunan 5,000 tenaga pakar dan penjenamaan Malaysia sebagai hab serantau tadbir urus angkasa.

MOSTI melalui Bahagian Penguasa Angkasa terus komited memperkukuh latihan, penyelidikan bersama universiti serta kerjasama antarabangsa dengan agensi seperti *United Nations Office for Outer Space Affairs* (UNOOSA) dan *International Institute of Space Law* (IISL).

Majlis penutup turut menghimpunkan para peserta, pensyarah, pengiring, hakim serta wakil industri yang menyokong kejayaan penganjuran PMPA pada tahun ini.

Pertandingan tahun ini menyaksikan prestasi cemerlang daripada semua pasukan, dan keputusan rasmi adalah seperti berikut:

1. Johan: Universiti Malaya (UM)
2. Naib Johan: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
3. Mooter Terbaik (Individu): Universiti Malaya (UM)
4. Memorial Terbaik (2 pasukan): Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Dato' Ruziah menutup ucapannya:

*"Kejayaan bukan diukur pada trofi, tetapi pada tanggungjawab menjaga ruang angkasa demi masa depan yang aman, selamat dan lestari."*

Majlis berakhir dengan perasmian penutupan rasmi PMPA 2025.

Klik untuk gambar berkaitan:

[https://drive.google.com/drive/folders/1VJdmnd5TQLpXyb8g7M-HY\\_L2L-nXOvHv?usp=sharing](https://drive.google.com/drive/folders/1VJdmnd5TQLpXyb8g7M-HY_L2L-nXOvHv?usp=sharing)

**# TAMAT #**

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**8 DISEMBER 2025**